

MAHATHIR - FREEMASON

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU UMAT ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA JANGAN GENTAR KEPADA FREEMASON -- PERTUBUHAN YANG DIASASKAN OLEH ZIONIS DAN BERTENTANGAN DENGAN AKIDAH ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM TIDAK GUNA MENGANGGAP DIRINYA ORANG ISLAM YANG KUAT IMAN JIKA MEREKA SENDIRI SUDAH BEGITU T AKUT KEPADA FREEMASON.

+ADAKAH KITA SUDAH BEGITU LEMAH SEHINGGA KITA TAKUT KEPADA BEBERAPA KERAT MANUSIA YANG BERSANDIWARA DALAM BANGUNAN YANG KITA NAMAKAN RUMAH HANTU?+ TANYA BELIAU.

+JIKA INI BERLAKU BERTAMBAH TAKUTLAH KITA KERANA HANTU CIPTAAN KITA INI,+ KATANYA SEMASA MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA YANG BERTEMAKAN +NEGARA BERMARUAH+ DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 PARTI ITU DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANYA APAKAH PERJUANGAN UMAT ISLAM HINGGA KINI TIDAK PERNAH MENCAPAI KEJAYAAN KERANA FREEMASON DAN ADAKAH UMAT ISLAM DAN RAKYAT TIDAK MERDEKA KERANA DIHALANG OLEH FREEMASON?

BELIAU MENGULANGI BAHAWA FREEMASON TIDAK DIALU-ALUKAN DAN ORANG ISLAM TIDAK SEPATUTNYA MENGANGGOTAI PERTUBUHAN ITU. --LAGI 1207/MD

MAHATHIR - FREEMASON 2 KUALA LUMPUR

+TETAPI JANGANLAH SESEORANG ITU TERPESONG DARI KENYATAAN KERANA INGIN Mencari ALASAN UNTUK MELINDUNG KELEMAHAN KITA.+

+JANGANLAH KITA HABISKAN TENAGA DAN MASA BERJUANG DENGAN BAYANG-BAYANG SEDANGKAN YANG MENGANCAM KITA BERADA DI HADAPAN KITA DENGAN TERANG DAN NYATA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN ZAMAN RAKYAT HIDUP DALAM ALAM KHAYALAN SUDAH BERLALU DAN RAKYAT HARI INI PERLU MENGHADAPI KENYATAAN DAN MENGATUR LANGKAH BERASASKAN KENYATAAN.

KATANYA ORANG YANG YANG PERCAYA KEPADA KHAYALAN SENDIRI DAN MENGAMBIL TINDAKAN BERASASKAN KHAYALAN AKAN DIKETAWAKAN OLEH MUBUH YANG TAHU KEADAAN SEBENAR.

BANYAK NEGARA ISLAM SUDAH PUN MENGHARAMKAN BADAN-BADAN ZIONIS TERMASUK FREEMASON, TETAPI ADAKAH MEREKA SUDAH MENCAPAI KEJAYAAN? TANYA BELIAU LAGI.

+APAKAH KERANA PENGHARAMAN INI MAKA ISRAEL HARI INI TERBUJUR DI MEDAN PERANG?+. --LAGI 1213/MD

B528

MAHATHIR - FREEMASON 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARIPADA ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUTUK KEGIATAN SEORANG YANG MENGANGGAP DIRINYA JAGUH MENENTANG FREEMASON DENGAN MELEMPARKAN BERBAGAI TUDUHAN KONONNYA UMNO DAN JUGA KERAJAAN SUDAH DIKUASAI OLEH FREEMASON.

BELIAU BERKATA SOAL SAMA ADA GERAKAN FREEMASON ITU BURUK ATAU TIDAK ADALAH SATU PERKARA LAIN TETAPI PERBUATAN MENUDUH JABATAN PERDANA MENTERI, PERDANA MENTERI, SETIAUSAHA POLITIKNYA, UMNO DAN KERAJAAN DIKUASAI OLEH PERTUBUHAN ITU ADALAH BIADAP.

APA YANG LEBIH MENGECEWAKAN IALAH DAKWAAN ORANG INI BAHAWA IA ADALAH ANGGOTA UMNO, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +KITA TELAH PERHATIKAN TINDAK-TANDUK ORANG INI SEKIAN LAMA DAN JIKA ADA MUSANG BERBULU AYAM ATAU MUSUH DALAM SELIMUT, INILAH DIA ORANGNYA.+

TINDAK-TANDUK ORANG INI, MENURUT PERDANA MENTERI, TERMASUKLAH MEMBAWA USUL TERGEMPAR DALAM PERHIMPUNAN AGUNG TAHUN 1978 KONONNYA KERAJAAN TELAH MEMBENARKAN +LUMBA ANJING+, MENCEROBOH MASUK KE BANGUNAN PKNS DAN MEMBUKA KEDAI TANPA IZIN DAN TIDAK MEMBAYAR SEWA. --LAGI 1220/MD

B529

MAHATHIR - FREEMASON 4 KUALA LUMPUR

SATU LAGI PERBUATANNYA IALAH MENUBUHKAN SEBUAH SYARIKAT DENGAN NAMA SEAKAN-AKAN NAMA SEBUAH PERSATUAN PERNIAGAAN MELAYU YANG IA MENJADI KETUA DAN KEMUDIAN MEMOHON SEKEPING TANAH DARI KERAJAAN ATAS NAMA SYARIKAT TERSEBUT.

SETELAH DILULUSKAN, NAMA PEMILIK TANAH ITU DITUKAR KEPADA NAMA SYARIKAT KEPUNYAANNYA SENDIRI DAN DISERAHKAN KEPADA BUKAN BUMIPUTERA UNTUK TAMAN HIBURAN YANG TIDAK MEMPUNYAI UNSUR MELAYU SAMA SEKALI, TAMBAHNYA.

APABILA TAMAN HIBURAN ITU TIDAK MAJU, TANAH ITU DIJUAL TERUS KEPADA SYARIKAT BUKAN BUMIPUTERA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN DARIPADA ITU ADA LAGI PERBUATAN ORANG TERSEBUT DENGAN MENGGUNAKAN NAMA BUMIPUTERA ATAU MELAYU DAN INI SEMATA-MATA UNTUK MENGKHIANATI HAK ORANG MELAYU.

+MALANGNYA APABILA BERUCAP SUARANYA LANTANG MENGKECAM ORANG LAIN TIDAK ISLAM, TIDAK BUMIPUTERA, TIDAK MENGUTAMAKAN BAHASA, ZIONIS DAN SEBAGAINYA.+

+SENARAI AHLI-AHLI FREEMASON JUGA DISIMPAN SEBAGAI ALAT UGUTAN. SETIAP KALI SESEORANG MENDAPAT SESUATU MAKA SENARAI ITU AKAN DIKELUARKAN.+ --LAGI 1225/MD